



Peningkatan daya saing Lembah Lenggong berdasarkan pelancongan sumber setempat

Fatimah Hassan¹, Zuraini Zakaria¹, Norsuhana Abdul Hamid¹, Main Rindam¹, Fatan Hamamah Yahya¹

¹Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, 11800, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, Malaysia

Correspondence: Fatimah Hassan (email: hfatimah@usm.my)

Abstrak

Lembah Lenggong telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 30 Jun 2012 lalu. Lembah Lenggong perlu meningkatkan daya saing kerana arus globalisasi menyebabkan persaingan antara tempat, terutama tempat pelancongan menjadi semakin sengit. Antara kaedahnya ialah dengan mengenangkan kelebihan dan keunikan elemen yang dimiliki tempat. Usaha ini adalah sesuatu yang kritikal dan hasil kajian mendapati Lembah Lenggong ternyata mempunyai pelbagai keunikan tersendiri, selain daripada sumber arkeologi yang menyebabkan status istimewa ini diperolehi. Artikel ini membincangkan kerelevan konsep elemen setempat dan kaitannya dengan kelebihan atribut tempat di Lembah Lenggong. Moga pendedahan ini akan meningkatkan lagi daya saing Lembah Lenggong di persamaan dunia dan berupaya menjadi antara tarikan pelancongan utama negara dalam masa terdekat.

Katakunci: atribut tempat, budaya , daya saing, Lembah Lenggong, pengguna tempat, warisan semulajadi

Mobilising local resources in enhancing place competitiveness: The case of the Perak's Lenggong valley, Malaysia

Abstract

The Lenggong valley located in Malaysia's state of Perak has been declared as a world heritage site by UNESCO in June 2012 . It is in need of further improvement to enhance its competitiveness in the global tourism market. One sensible way to do this is by showcasing the uniqueness of the place. Studies found that the valley is abound with unique local attributes apart from its archeological worth that has earned it the UNESCO's recognition. This paper discusses the relevancy of the local element in augmenting the 'sense of place' of the valley and in projecting its local uniqueness. It is hoped that this articulation would contribute to the enhancement of the valley's global competitiveness.

Keywords: global competitiveness, Lenggong Valley World Heritage site, local element, place attributes, sense of place, tourism

Pengenalan

Proses pencalonan, penyenaraian dan penganugerahan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bukan suatu proses yang mudah. Seterusnya proses untuk mengekalkan status anugerah tersebut juga bukan suatu yang patut diambil mudah terutama untuk tapak yang tidak mempunyai daya saing yang tinggi. Warisan Arkeologi Lembah Lenggong telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia

oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 30 Jun 2012 lalu amat membanggakan seluruh rakyat Malaysia terutama penduduk tempatan Lembah Lenggong. Namun anugerah ini akan menjadi lebih bermakna sekiranya tempat ini berupaya untuk berdaya saing di pesada dunia. Hal ini adalah kerana persaingan antara tempat menjadi semakin sengit pada masa kini akibat arus globalisasi. Hal ini dikukuhkan lagi oleh pengaruh teknologi dan kemudahan komunikasi yang canggih dan dinamik serta liberalisasi ekonomi yang berleluasa.

Sehubungan ini mentransformasikan corak pembangunan tempat agar “*liveable*” kepada penduduk, “*investable*” kepada pelabur dan “*visitble*” kepada pelancong merupakan antara intipati kritikal dan halatju dominan dalam usaha meningkatkan keupayaan daya saing bagi sesuatu tempat (Fatimah, 2009). Keadaan ini menyebabkan setiap tempat sentiasa berusaha pada setiap masa untuk bersaing bagi menarik pengguna tempa tanpa mengira letakan pada peringkat global, wilayah, negara, negeri, daerah, mukim atau tapak.

Daya saing tempat boleh ditafsirkan sebagai keupayaan sesuatu tempat dieksplorasi bagi mewujudkan kelebihan tersendiri berbanding tempat lain dan seterusnya membolehkan tempat tersebut menjana pertumbuhan ekonomi yang tinggi (Porter, 2003). Rainisto (2009) dan Harvey (1989) berpendapat bahawa adalah perlu bagi tempat memperlihatkan kelebihan kualitinya apabila produktiviti tempat semakin mencabar dan dinamik. Griffiths (1998) dan Kotler et al. (2002) turut mengakui hakikat ini apabila menekankan keperluan mencari kelainan untuk tempat secara simbolik agar lebih menonjol dan mudah dikenali. Selain itu, integrasi elemen tempat secara holistik atau komprehensif adalah juga perlu untuk tujuan merangkumkan kepentingan faktor kebudayaan dalam pembangunan ekonomi wilayah (Abdul Hadi, 1992). Selain daripada faktor kebudayaan, perbezaan yang terdapat pada sesuatu ruang atau tempat dipengaruhi oleh faktor fizikal mukabumi, habitat mulajadi (flora dan fauna), sosioekonomi penduduk dan kepimpinan politik semasa. Sehubungan ini, ternyata bahawa penonjolan atribut tempat yang unik dan berbeza mengikut acuan sendiri adalah antara indikator penting untuk mendapat kelebihan dalam persaingan antara tempat.

Tempat adalah suatu istilah yang dilapisi pelbagai maksud dan kepentingan (Knox, 2009) bagi menggambarkan ruangan geografi yang diduduki oleh manusia atau sesuatu entiti. Sehingga kini konsep tempat boleh ditafsirkan berdasarkan tiga elemen utama iaitu lokasi atau letakannya, ciri lokaliti atau identiti pada ruangannya dan emosi atau perasaan terhadap tempat berkenaan (Johnston et al., 2011). Namun Kotler et al. (2002) mensarankan agar tempat juga ditafsirkan sebagai suatu komoditi atau produk. Hasil gabungan perspektif geografi-pemasaran telah memperlihatkan tempat bukan sahaja boleh dipasarkan sebagai suatu entiti harta tanah tetapi sebagai suatu produk yang boleh dipakej, diguna dan dinikmati dengan harga tertentu seperti tempat tarikan pelancong. Trend mentransformasikan tempat dan elemen tempat kepada bentuk komoditi kini semakin diterima pakai apabila unsur pemasaran diterapkan kepada elemen keruangan akibat globalisasi dan modernisasi.

Dalam konteks pembangunan produk pelancongan, destinasi yang dapat memperlihatkan kekuatan, keunggulan dan keunikan sama ada bersifat ketara (*tangible*) atau tidak ketara (*intangible*) akan lebih menonjol, mudah dikenali serta menjadi sebutan dan kerap dilawati. Kotler et al. (1993, 2002), menyarankan agar tempat perlu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang terkini dan selari dengan kehendak serta keperluan pengguna di samping menjualnya pada semua skala ruangan. Produk dan perkhidmatan kebiasaannya adalah selari dengan kekuatan berasaskan teknologi, ekonomi dan politik yang sentiasa dianggap sebagai kuasa fizikal pembangunan ekonomi sesuatu tempat. Untuk memperoleh atau mendapat faedah bandingan dan kelebihan persaingan sama ada pada peringkat tempatan mahu pun pada peringkat global, pengurusan tempat perlu sentiasa berinovasi dan kreatif agar sesuatu tempat atau kawasan itu dapat mewujudkan kelebihannya yang tersendiri, serta menjadi unik dan berbeza daripada kawasan lain. Justeru pengukuran daya saing destinasi pelancongan dapat diperolehi dengan mengetahui jumlah tahunan kemasukan pelancong, nilai tahunan perbelanjaan pelancong, tahap purata perbelanjaan setiap pelancong dan tempoh kunjungan mereka.

Artikel ini dihasilkan untuk mengupas kepentingan meningkatkan daya saing tempat berasaskan sumber setempat serta memperincikan atribut tempat khususnya Lembah Lenggong. Lembah Lenggong dipilih sebagai kajian kes kerana keunikan dan kelebihannya yang amat bernilai terutama daripada perspektif arkeologi dan arkeogeologi.

Kawasan kajian

Lembah Lenggong (Rajah 1) berada dalam kawasan yang menganjur dari kedudukan $5^{\circ}4'40''\text{U}$ hingga $5^{\circ}8'57''\text{U}$ dan $100^{\circ}58'20''\text{T}$ hingga $100^{\circ}59'31''\text{T}$. Untuk lokasi relatif, Lembah Lenggong berada di dalam daerah Hulu Perak, Perak serta terletak lebih kurang 62 km dari Bandar Diraja Kuala Kangsar dan sebelah utara 57 km dari Gerik . Lembah Lenggong mempunyai kawasan seluas 9,773 hektar walaupun kawasan yang dicadangkan sebagai tapak warisan dunia hanya seluas 2,185.41 hektar. Justeru, sumber yang dimiliki oleh Lembah Lenggong tidak terhad kepada sumber arkeologi dan arkeogeologinya sahaja.

Penganugerahan status tapak warisan dunia adalah bertepatan kerana Lembah Lenggong sudah terkenal sebagai pusat perkembangan tamadun manusia yang paling lama dari zaman Paleolitik ke zaman Neolitik dan zaman Logam. Semua ini terbukti dengan beberapa alas an. Pertama, penemuan bukti peralatan seperti kapak genggam (*handaxe*), alat peneta (*chopper*) dan alat repehan (*flake tools*) di Bukit Bunuh yang didiami sejak lebih 1.83 juta tahun, bukti kewujudan aktiviti manusia terawal di Asia. Kedua, penemuan “Perak Man” di Gua Gunung Runtuh, rangka manusia Paleolitik terlengkap yang ditemui di Asia Tenggara yang mewakili kehidupan 10,000 tahun dahulu, dan ketiga, pemilikan kawasan sumber arkeologi dan arkeogeologi yang masih bersifat *autentik* dan *in-situ*, iaitu kekal ditempat asal, ditapak terbuka dan tidak terusik oleh gangguan dan arus permodenan semasa.

Ternyata penemuan tersebut wajar diketengahkan untuk pemerkasaan jati diri bangsa dan negara (Mokhtar Saidin, 2011). Walau bagaimanapun, pada hakikatnya, dapatkah destinasi ini bergerak maju dan menarik pelancongan dengan hanya berkalkan warisan arkeologi dan arkeogeologinya semata-



Rajah 1. Kedudukan Lembah Lenggong, Perak.

mata? Bagaimana pula dengan sumber bukan arkeologi seperti sumber fizikal, flora dan fauna, aktiviti ekonomi dan kebudayaan komuniti yang boleh disepadukan sebagai tarikan nilai tambah untuk meningkatkan daya saing tempat? Sesungguhnya keupayaan menarik ramai pengguna tempat yang terdiri bukan sahaja daripada golongan pelancong tetapi juga mereka yang menghuni serta melabur dan membeli harta tanah setempat untuk kediaman atau komersial, akan merangsang pembangunan ekonomi dan meningkatkan sumber dana pengurusan tempat, sekaligus menunjukkan kekuatan dan keupayaan memenangi persaingan dalam dunia yang kompetitif ini.

Daya saing tempat

Daya saing atau “*competitiveness*” adalah suatu istilah yang berasaskan kepada kecekapan yang dibentuk melalui elemen pengetahuan, perwatakan dan kemahiran yang gunakan untuk mencapai sesuatu yang lebih daripada yang asal. Menurut Porter (2003), daya saing selalu dikaitkan dengan kecekapan atau kelebihan pada skala individu, organisasi dan persekitaran yang bertujuan membina kapasiti bagi menyaingi lawan dan memperolehi kedudukan yang tinggi atau upah yang lumayan.

Kepentingan konsep ini amat ketara, sehingga dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), ia telah diterapkan dalam usaha meningkatkan daya saing negara dan kecekapan modal insan melalui latihan, membina kapasiti, mengukuhkan intergriti dan melaksanakan pembangunan lestari (Malaysia, 2005). Menurut Porter (2003), daya saing tempat boleh ditafsirkan sebagai keupayaan sesuatu tempat mengeksplorasi atau mewujudkan kelebihan bandingan bagi menandingi tempat lain dan seterusnya membolehkan tempat terbabit meningkatkan produktiviti dan menjana pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

Terdapat banyak kerangka kerja atau model yang telah dibangunkan untuk membincangkan faktor yang mempengaruhi daya saing tempat terutama tempat pelancongan. Antaranya ialah Poon (2010) yang mencadangkan empat prinsip utama yang destinasi harus ikuti jika ingin berdaya saing dan maju iaitu: meletakkan alam sekitar tempatan sebagai asas penerokaan; menjadikan pelancongan sebagai sektor ekonomi utama ; mengukuhkan sistem pengedaran maklumat dan promosi di pasaran; dan membentuk sektor swasta yang dinamik agar dapat mengembeling bersama-sama membangunkan kawasan berkenaan.

Tumar Sumihardjo (2008) pula telah mengenal pasti sembilan faktor utama sebagai penentu daya saing sesuatu tempat iaitu : tahap ekonomi daerah – pendapatan, sumber modal yang kukuh; keterbukaan – menerima pelaburan dari dalam dan luar kawasan; sistem kewangan –peruntukan dan perbelanjaan yang berhemah; infrastruktur asas dan sumber semula jadi yang lengkap dan mantap, tahap pendidikan dan teknologi yang berpadanan; sumber modal insan yang mahir dan berperingkat tinggi, perlombagaan, peraturan dan kawalan undang-undang yang efektif; urustadbir dan politik yang efisyien; dan engurusan dan persekitaran yang strategik

Hakikatnya, pengukuhan daya saing tempat terutama untuk destinasi pelancongan tidak dapat dihitung dengan merujuk kepada suatu dimensi sahaja kerana sektor ini adalah unik sifatnya dan merangkumi pelbagai sektor. Ketidakketaraan, ketidakbolehasingan, ketidakseragaman dan ketidakbolehsimpanan merupakan antara ciri unik produk pelancongan (Kotler et al., 1993; 2002). Namun fokus awal dan utama tetap diberikan kepada kriteria mencorakkan pembangunan yang menekankan kepada kepentingan identiti tempat serta memperkuatkan lagi keunikan tempatan berdasarkan sumber setempat. Rainisto (2009), Porter (2003), Poon (2010) dan Kotler et al. (2002) menyarankan bahawa setiap tempat, sama ada di peringkat negara, negeri, wilayah, bandar atau daerah perlu bersaing dengan mengeksplorasi sumber milik tempat sendiri dan seterusnya menjana pertumbuhan yang tinggi dan mampan.

Penekanan untuk menonjolkan dayasumber ini harus diberi perhatian oleh pihak pengurusan tempat kerana menurut Kotler et al. (2002), hampir segalanya di persekitaran kita adalah komoditi, iaitu suatu produk yang berharga, boleh menjadi tarikan serta boleh dipasarkan. Oleh yang demikian, apa-apa elemen tempat yang boleh dijadikan komoditi wajar dikomodifikasi serta digunakan bagi meningkatkan daya saing tempat. Produk tempat boleh merangkumi sebarang entiti seperti elemen alam semula jadi, elemen ciptaan atau buatan manusia, tokoh atau individu terkenal, budaya, warisan seni serta sejarah, aktiviti ekonomi serta bukan ekonomi dan sebagainya. Selain itu, dayasumber tempat boleh juga dibahagikan kepada sumber ketara (*tangible*) yang mempunyai ciri nyata dan nampak seperti tanah tinggi, tasik, gua atau bangunan. Sumber tidak ketara (*intangible*) pula memiliki ciri tidak nyata dalam konteks fizikalnya seperti kebudayaan tradisi, sistem nilai, adat istiadat, kepercayaan, cara hidup, tarian, makanan, kisah lagenda dan mitos. Dalam konteks pelancongan, daya saing sesuatu destinasi dapat ditingkatkan dengan mengupayakan destinasi untuk menonjolkan sumber sedia ada secara maksimum namun lestari. Hal ini akan diserahkan lagi melalui rekacipta baru serta penyepaduan produk tambah nilai yang mengekalkan sumber sedia ada. Oleh itu, apabila destinasi bergantung kepada keunikan alam sekitar, sumber mestilah bukan sahaja diterokai dan ditonjolkan tetapi juga dilindungi, diurus dan diselenggara dengan bijak untuk terus menjadi daya tarikan pelancong. Oleh itu, untuk mencapai dan mempunyai kelebihan daya saing yang tinggi,

sesebuah destinasi pelancongan mesti mampan dari segi ekonomi, alam sekitar, ekologi, sosial, budaya dan politik.

Untuk meningkatkan daya saing tempat, Kotler et al. (1993, 2002) turut menyarankan agar tempat menerap strategi pemasaran tempat yang menekankan aktiviti seperti merekabentuk perkhidmatan dan ciri yang bersesuaian dengan budaya kepenggunaan (keperluan, kehendak dan permintaan terhadap tempat). Saranan lain termasuklah menawarkan insentif yang menarik kepada pengguna dan bakal pengguna tempat dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya, serta menyampaikan perkhidmatan atau produk tempat dengan cara mudah dan murah namun berkesan. Begitu juga dengan kaedah mempromosikan imej dan nilai tempat supaya bakal pengguna mengetahui kelebihan sesuatu tempat dalam meningkatkan kepenggunaan tempat supaya tempat tersebut akan sentiasa berdaya saing. Kozak dan Remmington (1999) menyenaraikan beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan pengurusan tempat dan daya saing tempat pelancongan iaitu: profil sosio-ekonomi permintaan pelancongan dan perubahan pasaran, ketersampaian pasaran (fasiliti dan jarak), kematangan destinasi dan psikologi pengguna, pengaruh kepuasan pelancong, pemasaran dan persepsi terhadap destinasi, kos dan harga, kadar tukaran wang, kegunaan teknologi komunikasi, keamanan, keselamatan dan risiko, kedudukan dan keunikan produk, kelengkapan dan kualiti perkhidmatan dan fasiliti, dan kualiti sumber persekitaran.

Justeru itu, semua pihak sama ada pihak pengurusan tempat, komuniti setempat, pengusaha ekonomi tempat sama ada agensi kerajaan mahu pun swasta perlu bersama-sama mempunyai matlamat memasarkan tempat dengan terbaik agar daya saing tempat sentiasa positif dan kukuh setiap masa.

Strategi pemasaran tempat dianggap berjaya sekiranya aktiviti kepenggunaan bagi tempat meningkat dan pengguna mendapat kepuasan manakala pengusaha mendapat keuntungan yang maksimum dengan risiko yang minimum. Namun menurut Ashworth dan Voogd (1990) pemasaran tempat dianggap lebih berjaya sekiranya tempat berkenaan dapat memperbaiki kedudukan relatifnya untuk bersaing di dalam pasaran serta pengguna mempunyai persepsi positif terhadap tempat berkenaan. Hal ini memantapkan lagi faktor kejayaan asas sektor pelancongan kini iaitu jumlah pelancong yang melawat dan tinggal di lokasi pelancongan, jumlah wang yang dibelanjakan, terdapat kunjungan semula serta maklumbalas dan saranan para pelancong terhadap produk pelancongan yang dipasarkan. Sehubungan ini, bagi memastikan sejauh mana keupayaan dan pembangunan sesuatu produk atau tempat pelancongan berjaya dalam pasaran dan persaingan antara tempat, dua pengaruh utama iaitu pengaruh ciri tempat dan ciri pengguna tempat harus sentiasa diberi perhatian.

Rangka kerja penyelidikan

Untuk meningkatkan Lembah Lenggong menjadi suatu tapak warisan dunia yang tersohor, produk dan perkhidmatan pelancongan yang disediakan seharusnya menepati kehendak dan kerenah pelancong, sama ada dari peringkat tempatan mahu pun antarabangsa. Kajian oleh Badaruddin et al. (2009) mendapati bahawa antara atribut tempat yang perlu ada bagi memastikan tahap daya saing adalah tinggi merangkumi aktiviti tarikan, perkhidmatan dan fasiliti, infrastruktur, kos dan hospitaliti (rujuk jadual 1). Oleh itu meneroka dan mengenalpasti semua elemen tempat yang berupaya ditonjolkan adalah suatu yang kritikal kerana ia berupaya dijelmakan menjadi pelbagai sumber tarikan dan pelbagai pakej lawatan serta aktiviti pelancongan bagi meningkatkan daya saing Lembah Lenggong sebagai lokasi pelancongan terkemuka.

Potensi Lembah Lenggong untuk membina pelbagai jenis pelancongan tema, misalnya arkeopelancongan, ekopelancongan, pelancongan kebudayaan, agropelancongan, edupelancongan, pelancongan semulajadi, pelancongan haiwan liar, pelancongan kulinari/gastronomi dan lain-lain berpotensi besar tetapi malangnya tidak diketahui disebabkan oleh masalah publisiti dan kekurangan penyelidikan dan pembangunan produk. Selain dari sumber arkeologi dan arkeogeologi yang sudah terkenal, kawasan Lembah Lenggong kaya dengan sumber asli (fizikal, flora & fauna), sumber budaya (kraftangan, muzik, masakan tempatan dan masyarakat Orang Asli), sumber legenda (sejarah, senibina, mistik), pelbagai sumber berasaskan air dan lain-lain. Semua asset tambahan berdasarkan elemen tempat ini harus dikenal pasti, digilap dan diserlahkan dengan strategi berkesan untuk meningkatkan daya saing tempat.

Dapatan yang dibincangkan adalah hasil beberapa lawatan awal kesemua penulis yang menggunakan pendekatan pemerhatian dan kajian lapangan yang diolah agar dapat memberikan gambaran akan keadaan semasa tempat kajian. Beberapa siri temuramah dan pengumpulan data berdasarkan temu bual tidak formal telah digunakan bagi mendapat maklumat tambahan disamping maklumat sekunder yang diperolehi hasil daripada tinjauan literatur. Justeru, dapatan dan perbincangan awal ini adalah sekadar deskriptif namun diharap dapat memberikan pendedahan awal tentang kelebihan Lembah Lenggong.

Jadual 1. Atribut daya saing bagi tempat pelancongan

Tema	Perincian atribut
1. Tarikan pelancong	Sumber semulajadi, iklim, budaya masyarakat, makanan, sejarah, ketersampaian/akses tarikan, liburan, 40fisien40si40 tarikan, “ <i>landmark</i> ”, perayaan, karnival, acara utama, cara hidup tempatan, senibina menarik, keselamatan.
2. Perkhidmatan dan fasiliti	Kemudahan penginapan, perkhidmatan pengangkutan, kemudahan dan aktiviti sukan, hiburan, pusat membeli belah, kemudahan perkhidmatan makanan dan minuman, fasiliti 40fisien40si dan seminar, papantanda dan arah tarikan, kemudahan letak kereta, kemudahan pengangkutan udara, kualiti maklumat destinasi, kualiti tempat makan, kemudahan untuk kanak-kanak, kemudahan untuk orang berlainan upaya.
3. Infrastruktur	Talian komunikasi, kesihatan, jalanraya/lebuhraya, sistem keselamatan, kebersihan dan kumbahan.
4. Kos	Nilai wang dibelanjakan, harga penginapan, harga makanan dan minimum, kos pengangkutan, nilai masa membeli belah.
4. Hospitaliti	Kemesraan dan pertolongan komuniti tempatan, pergerakan yang 40fisien, tindakan atau maklumbalas terhadap aduan, atitud pengawai terlibat.

Sumber: Badaruddin et al., 2009

Atribut tempat di Lembah Lenggong

Berdasarkan konsep daya saing yang dibincangkan di atas, ternyata bahawa ianya dapat diaplikasikan di mana-mana tempat tanpa mengira skala keluasan. Justeru itu, adalah wajar segala atribut tempat yang wujud dikenalpasti dan diterokai dengan lebih terperinci bagi memudahkan proses mencorak pembangunan kawasan terutamanya perancangan pembangunan pelancongan di masa hadapan. Lembah Lenggong amat kaya dengan pelbagai elemen tempat yang boleh diketengahkan untuk meningkatkan daya saing tempat. Sudah pasti kawasan Lembah Lenggong yang seluas 9,773 hektar ini memiliki keunikan dan kelebihan tersendiri akibat perbezaan fizikal alam sekitar, sosiobudaya penduduk, aktiviti ekonomi harian, aktiviti sampingan dan corak pengurusan atau kepimpinannya yang pelbagai. Berikut dibincangkan beberapa elemen tempat yang ditemui dalam kawasan Lembah Lenggong secara terperinci.

Elemen alam semulajadi fizikal

Bahagian tengah Lembah Lenggong ini dipisahkan oleh aliran Sungai Perak. Ia terletak dalam himpitan dua banjaran utama bumi Semenanjung iaitu Banjaran Titiwangsa di sebelah timur dan bahagian bawah Banjaran Bintang di sebelah baratnya yang terbina daripada batuan jenis granit *porphyritic biotite*. Lembah Lenggong mengandungi *slate*, *phyllite* dan batu kapur metamorfik berasal daripada formasi *Kroh Ordovician Devonian vintage* (Jabatan Warisan Negara, 2011).

Rajah 2 menunjukkan keratan rentas Lembah Lenggong yang terbina daripada dataran mendapan kesan hakisan tanah Banjaran Bintang dan Banjaran Titiwangsa. Kawasan tanah tinggi ini menjadi ekosistem hutan hujan khatulistiwa dengan pelbagai spesis flora dan fauna. Kawasan ini kekal kaya dengan habitat aslinya dan kekal hijau dengan tumbuhan hutan hujan yang menghasilkan

pemandangan mengasyikkan serta panorama yang indah. Kawasan Lembah Lenggong bukan sekadar dipenuhi dengan aset Hutan Hujan Tropika tetapi sumber alam semulajadinya turut disulami dengan sungai peringkat pertama yang berjeram dan air terjun seperti Lata Kekabu, Lata Batu Putih dan beberapa lata yang masih kurang dikenali umum misalnya Lata Tok Muda di Kampung Beng, Lata Jok di Pulau Rimau, Lata Kampung Geluk dan Lata Parit.



Sumber: Main & Fatimah, 2011

Rajah 2. Keratan rentas Lembah Lenggong, Perak

Sungai Perak sepanjang 420 km adalah sungai kedua terpanjang di Semenanjung Malaysia yang membentuk koridor yang tersendiri. Sebahagian besar sungai ini terutamanya di Lenggong masih kekal sebagai petempatan luar bandar dengan pandang darat kampong yang rapuh terdedah kepada pembangunan yang sedang meningkat pesat. Alirannya mengalir dari utara menuju ke selatan Lenggong dan mempunyai banyak cawangan, antaranya ialah Sungai Lenggong, Sungai Lepai, Sungai Jabit dan lain-lain sungai. Justeru, Lembah Lenggong kaya dengan aliran sungai bersaiz kecil dan sederhana yang mengalir di celah deretan rumah kampong dan juga pekan Lenggong sendiri. Ketebalan mendapan sungai di sini mencecah sehingga 30 hingga 150 cm. Kajian geologi menunjukkan 200,000 tahun dahulu Sungai Perak berada sangat hampir dengan kawasan Bukit Jawa dan ia berlanjutan sehingga 40,000 tahun dulu (Jabatan Warisan Negara, 2011). Jarak antara Sungai Perak dengan Bukit Jawa kini adalah lebih kurang 500 meter. Perubahan aras dan kedudukan Sungai Perak, seperti yang dapat di Bukit Jawa boleh menjadi bahan penting tarikan pelancong kerana perkembangan Sungai Perak dan hubungkaitannya dengan petempatan penduduk di situ.



Rajah 3. Sungai Perak (kiri) dan Sungai Lenggong (kanan).

Sungai Perak mempunyai hubungan dengan Tasik Cenderoh. Manakala, Tasik Raban yang terletak 16 km ke utara Lenggong adalah sebahagian daripada Tasik Chenderoh. Tasik Raban merupakan salah satu tempat memancing popular di Perak kerana kepelbagaiannya spesies ikan air tawar. Tasik ini yang pada asalnya ialah Sungai Raban, telah dibanjiri lalu membentuk satu rangkaian tasik semulajadi dan buatan manusia kesan daripada pembinaan Empangan Chenderoh pada tahun 1927.

Lenggong juga kaya dengan pandang darat gua batu kapurnya. Terdapat lebih kurang 75 buah gua dikesan wujud dalam kawasan ini. Antara 16 buah gua yang telah diterokai, 7 daripadanya terdiri daripada gua batu kapur yang terbina lebih dari 330 juta tahun dulu. Kebanyakan batu kapur yang membentuk gua-gua di Lembah Lenggong telah termetafors menjadi marmar yang cantik. Beberapa gua telah dikenalpasti menjadi petempatan awal manusia prasejarah dan termasuk dalam senarai kawasan yang bakal dijadikan tapak warisan dunia UNESCO. Antara gua yang terkenal ini ialah Gua Gunung Runtuh, Gua Telok Kelawar, Gua Harimau, Gua Badak dan Gua Kajang. Terdapat juga tapak batuan suevit dan krater impak meteorit di Bukit Bunuh dan pengumpulan debu kesan letusan Gunung Berapi Toba Sumatera, Indonesia sekitar 74,000 tahun yang lalu berdekatan Bukit Sapi yang berupaya menarik minat pengunjung ke Lembah Lenggong.

Elemen biodiversiti flora dan fauna

Kedudukan Lembah Lenggong yang terletak di antara Banjaran Titiwangsa dan Banjaran Bintang memberi peluang kawasan ini untuk memiliki kepelbagaiannya flora dan fauna. Sebahagian besar sumber flora dan fauna ini dijadikan sumber makanan, sumber ubatan dan bahan ritual utama oleh penduduk tempatan sejak zaman berzaman. Beberapa penemuan arkeologi misalnya penemuan tulang rusa, babi, beruang, biawak, monyet dan kura-kura bersama penemuan tulang masyarakat zaman Paleolitik, penemuan siput sedut yang dijadikan kalung atau rantai di Gua Harimau, penemuan siput sebagai alas mayat "Perak Man", penemuan keranda kayu balak dan sebagainya telah mengesahkan perkaitan dan hubungan antara komuniti tempatan dan biodiversiti ini. Sesungguhnya kekayaan kepelbagaiannya biodiversiti telah menyumbangkan kepada penghasilan ubat-ubatan terutamanya daripada tumbuhan herba. Pengekstrakan dan pemprosesan flora telah menghasilkan pelbagai produk komersial dan sebanyak 3000 spesies tumbuhan di dunia ini telah dikenal pasti berfungsi sebagai anti-kanser. Antara tanaman ubatan popular yang lazim didapati ialah tongkat ali (*Eurycoma longifolia*), misai kucing (*Orthosiphon stamineus*) dan kacip fatimah (*Labisia pumila*), yang ternyata dapat memperbaiki tahap kesihatan masyarakat dan meningkatkan jangka hayat manusia. Salah satu tumbuhan endemik yang dikatakan boleh didapati tumbuh secara liar dalam kawasan Lenggong, ialah bunga pakma atau bunga manar (*Rafflesia* sp). Bunga pakma yang belum mekar dikumpul oleh orang Melayu dan orang Asli untuk kegunaan perubatan tradisional misalnya sebagai ubat perangsang, buasir dan untuk serikan muka wanita. Selain daripada nilai perubatan, pemeliharaan biodiversiti boleh menjadi tempat beriadah kepada manusia. Potensi tumbuhan rekreasi ini juga boleh menjadi daya tarikan pelancong dan menjana ekonomi penduduk. Contoh tumbuhan yang boleh ditonjolkan sebagai tumbuhan yang mampu menarik pelancong sebagai teduhan dan kawasan sosiologis ialah pokok ketapang (*Terminalia catappa*), tembusu padang (*Fagraea fragrans*), jemerlang (*Peltophorum pterocarpum*), api-api (*Avicennia* sp) dan semambu (*Azadirachta indica*), yang sememangnya mudah didapati sepanjang laluan utama di kawasan Lembah Lenggong.

Lembah Lenggong yang persekitaran kawasannya terdiri daripada hutan batu kapur, hutan pamah dipterokarp, hutan sekunder dan kawasan kebun menjadi kawasan tumpuan burung. Kajian yang dilakukan oleh Mohammad Saiful & Shahrul Anuar, (2011) di Bukit Kepala Gajah iaitu sebuah kawasan gua batu kapur di Lenggong mendapat sejumlah 100 spesies burung daripada 28 famili direkodkan. Antara spesies burung yang paling banyak direkodkan di kawasan pinggir hutan tersebut ialah *Lonchura striata*, *Lonchura punctulata* dan *Amaurornis phoenicurus*. Manakala *Merops leschenaultia*, *Prinia flaviventris* dan *Iole olivacea* banyak terdapat di kawasan hutan tengah. Sementara di bahagian hutan dalamnya kaya dengan spesies *Stachyris erythroptera*, *Macronus gularis* dan *Arachnothera longirostra*.

Lembah Lenggong juga memiliki biodiversiti fauna berdasarkan air terutamanya ikan air tawar dan udang galah di Sungai Perak dan Tasik Raban serta sekitarnya. Kajian di Tasik Raban oleh Kong & Ahyaudin (2000) telah merekodkan sebanyak 42 spesies ikan daripada 13 famili. Namun hasil kajian oleh Khaw Hui Leng (2008) mendapat penurunan dengan hanya sejumlah 20 spesies ikan daripada sepuluh famili yang ditemui. Antara ikan yang terdapat di Tasik Raban ini terdiri daripada ikan Kaloi, Sepat, Tilapia seperti Tilapia Merah, Tilapia Bunga, Jelawat, Loma, Terbul, Kerai, Lampam Jawa, Toman, Haruan, dan Kawan (Norsharuddin, 2004). Walau bagaimanapun bilangan spesies ikan yang tertinggi adalah *Thynnichthys thynnooides* (Lomah) daripada famili Cyprinidae,

diikuti dengan *Pristolepis grootii* (Patung) daripada famili Nandidae dan *Notopterus chitala* (Belida) daripada famili Notopteridae. Rajah 4 menunjukkan foto species ikan-ikan ini.



Sumber: Khaw Hui Leng, 2008

Rajah 4. Species ikan Tasik Raban

Laporan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA, 2006) menyatakan bahawa Lenggong merupakan kawasan pengeluaran ikan air tawar utama di Perak, terutamanya pengeluaran ikan Tilapia. Permintaan adalah semakin meningkat dengan aktiviti nilai tambah yang menjadikan ikan pekasam sebagai produk utama Lembah Lenggong. Selain menjadi jenama dan identiti setempat, aktiviti ini turut dipromosi pihak kerajaan dengan pembukaan Pusat Pengembangan Teknologi Perikanan Lenggong di Kampung Raban dan peningkatan pusat pemprosesan ikan pekasam di kampung sekitar kawasan Tasik Raban, Kampung Pengkalan Ikan, Kampung Cherakoh, Kampung Luat dan Kampung Beng. Selain itu terdapat juga aktiviti ternakan ikan dalam sangkar di sekitar kawasan Tasik Raban, Kampung Pengkalan Ikan dan Kampung Kota Tampan Ayer di bawah pentadbiran Jabatan Perikanan Lenggong bagi meningkatkan pengeluaran ikan setempat.

Lembah Lenggong juga mempunyai kelebihan tersendiri dengan mempunyai beberapa ladang ragut ternakan rusa (*Cervus timorensis*), dusun buah-buahan dan ladang teh yang dikendalikan oleh pihak swasta serta kerajaan. Salah satu daripada enam ladang ragut rusa yang terkenal dikendalikan oleh Jabatan Veterinar yang terletak di Sumpitan, dengan kawasan melebihi 1,000 hektar. Lain-lain padang ragut ternakan rusa dapat ditemui di Temelong, Sg Soh, Chepor, Luat dan Chuas. Sementara ladang teh yang terkenal dengan jenama ‘Teh Lenggong’ pada suatu ketika dahulu difahamkan kini sudah tidak berfungsi dan terbiar. Namun telah ada usaha pihak swasta yang bakal menjadikan ladang ini sebagai tempat tarikan “Permaculture Perak Farmstay”. Sementara dusun buah-buahan yang terletak di sekitar Kampung Kuak dan Kampung Changkat Berangan merupakan tarikan bermusim hasil daripada program ladang kelompok dan industri asas tani di Lenggong. Hasil daripada dusun dan lanskap yang dijaga sempurna ini telah menaikkan nama Lenggong sebagai antara kawasan yang menghasilkan buah durian klon terbaik D-175 Udang Merah semasa MAHA 2008.

Elemen warisan sejarah

Lembah Lenggong turut memiliki beberapa elemen warisan sejarah yang boleh digunakan untuk meningkatkan daya saing tempat. Warisan ini merupakan “masa lampau” yang berupaya membuktikan kewujudan, kemegahan dan perkembangan ketamadunan sesuatu bangsa di sesuatu tempat atau negara (Azmah et al., 2009). Justeru, hasil serta bukti yang ditinggalkan ini perlu dipulihara untuk pengisian tamadun masa depan dan pemerkasaan jati diri bangsa dan negara. Tinggalan sejarah kadangkala dikategorikan sebagai warisan budaya yang merangkumi pelbagai bentuk termasuk sejarah bertulis, bangunan, monumen, tapak, artifak, tempat serta kebudayaan manusia. Sebagai harta budaya milik hakiki bangsa dan tempat yang bernilai, warisan sejarah harus

dikongsi, dikekalkan dan dipertahankan agar tidak lenyap dilanda pembangunan dan kerakusan manusia, malapetaka serta pengaruh fenomena alam yang tidak menentu (Fatimah et al., 2010).

Jadual 2 menyenaraikan sebahagian daripada warisan sejarah Lembah Lenggong yang telah dikenalpasti dan wajar diketengahkan sebagai bahan kemegahan setempat. Objek warisan ini sepatutnya boleh dikomodifikasi untuk menjadi tarikan dan meningkatkan daya saing tempat.

Jadual 2. Warisan sejarah Lembah Lenggong

OBJEK WARISAN	PERINCIAN BAHAN
1. MAKAM TOK LALANG* Kampung Luat, Lenggong.	Makam ini terletak di tebing sebelah kanan mudik Sungai Perak, iaitu di Kampung Luat yang letaknya kira-kira 4.8 km ke selatan pekan Lenggong. Tok Lalang dikenal juga dengan nama Tok Putih Rambai, adalah keturunan Tun Saban. Tun Saban yang hidup sekitar 500 tahun lalu ialah salah seorang pembesar Hulu Perak yang terlibat dengan pertabalan Sultan pertama Perak, Sultan Muzaffar Shah I tahun 1528. Tok Lalang merupakan Orang Besar Delapan Perak yang bergelar Sri Adika Raja ke 3. Beliau diberi kuasa mengutip cukai di Hulu Perak kira-kira di awal kurun ke 17.
2. MAKAM TOK SENDALU* Kampung Sendalu, Luat, Lenggong.	Makam ini terletak kira-kira 2 km ke utara dari Kampung Luat, dekat Lenggong, jarak makamnya dari tebing kanan Sungai Perak adalah kira-kira 30 meter. Tok Sendalu adalah anak kepada Tok Berolak (Seri Adika Raja ke 2), iaitu cucu kepada Tok Hilang Dipilih, yang mana asal keturunannya daripada Tun Merah, puteri Tun Saban yang berkahwin dengan Sultan Muzaffar Syah (I). Tok sendalu telah dilantik menjadi Seri Adika Raja ke 4, iaitu menggantikan kekandanya Tok Lalang (Seri Adika Raja ke 3). Tok Sendalu adalah orang besar Perak yang berkuasa di daerah Hulu Perak kira-kira pada kurun ke 17.
3. KUBU MELAYU * Kampung Kota, Lenggong.	Kubu yang telah dibina oleh Tok Tan Lela Setia bagi mempertahankan serangan dan melindungi kaum perempuan dan kanak-kanak semasa berlaku perperangan.
4. Masjid Jame' Lenggong	Masjid yang terletak di Jalan Mahkamah Lenggong, dalam bandar Lenggong Perak. Senibinanya mirip ke arah gaya Inggeris dan banyak mengambil rupa dan reka bentuk istana di Kuala Kangsar.
5. Masjid Abudiyah	Masjid ini terletak di Kampung Banggol Belimbing, beberapa kilometer di selatan pekan Lenggong. Selain rekabentuknya yang unik berdasarkan senibina Aceh, namanya yang sama dengan masjid di raja Perak di Bukit Chandan turut menarik perhatian ramai.
6. Bangkai Kapal Terbang	Tinggalan dan serpihan dua bangkai kapal terbang British yang terhempas ditembak komunis pada 1955 di puncak Bukit Changkat Berangan. di Hutan Simpan Bintang Hijau berkenaan.
7. Terowong Komunis	Sebuah terowong dengan senibina Johor yang dibina komunis sebagai kubu pertahanan mereka di Kampung Gelok, Lenggong.

Sumber: Kajian Lapangan & * Halim, 1981



Rajah 5. (ii) Masjid Jamek Lenggong dan (iii) Masjid Abudiyah Lenggong

Elemen warisan budaya dan sosio-ekonomi komuniti setempat

Lembah Lenggong mempunyai kepadatan penduduk yang rendah iaitu 17 orang untuk setiap satu kilometer persegi. Mengikut Jabatan Statistik Malaysia, jumlah penduduk bagi Lenggong pada tahun 2002 ialah seramai 12,335 orang dan meningkat kepada 13,619 pada 2005. Pada tahun 2010, jumlah penduduk ialah 15,036 yang merangkumi 50.6 peratus lelaki dan 49.4 peratus perempuan. Unjurran penduduk berdasarkan kepada cadangan projek pembangunan sehingga tahun 2015, dijangka keseluruhan kawasan Lenggong mempunyai bilangan penduduk seramai 16,601 dengan kadar pertumbuhan penduduk sekitar dua peratus setahun. Sehubungan dengan ini adalah penting agar daya saing Lembah Lenggong ditingkatkan agar ia berjaya menarik masuk pengguna tempat yang terdiri bukan sahaja daripada kategori pelancong tetapi juga pelabur dan penduduk yang menetap di sekitar kawasan. Fatimah (2009) menyatakan bahawa warisan sosiobudaya penduduk; aktiviti ekonomi harian; aktiviti sampingan melalui hobi; dan corak pengurusan serta ketokohan kepimpinan di sesuatu tempat turut berupaya menyumbang kepada proses memasarkan produk tempat sebagai tarikan dan sekali gus meningkatkan daya saing tempat. Justeru untuk aktiviti semasa Lembah Lenggong, didapati beberapa aktiviti penduduk setempat seperti penghasilan ikan pekasam, masakan traditional, penternakan udang serta ikan dalam sangkar serta pemilikan rumah inapdesa yang boleh dijadikan antara aktiviti yang boleh menarik minat pelancong dalam tema pelancongan tani atau pelancongan desa.

Selain dari komuniti 1(satu) Malaysia, Lembah Lenggong turut dianugerahi komuniti Orang Asli masyarakat Lanoh yang merupakan salah satu sub-kumpulan Negrito yang kaya dengan gaya hidup dan budaya warisan material yang autentik (Fatimah Hamamah et al., 2011). Budaya warisan material meliputi semua aspek kebendaan dan peralatan yang pernah dan masih digunakan oleh sesuatu masyarakat merangkumi alat pengeluaran untuk tujuan sara diri dan aktiviti ekonomi, alat domestik atau rumahtangga, alat muzik, alat perhiasan diri dan alatan ritual (Hamid, 2011). Dua penempatan utama masyarakat Lanoh di Lenggong ialah di Kampung Air Bah, Mukim Kenering dan Kampung Lubok Chupak di Bukit Sapi dengan jumlah bilangan penduduk lebih kurang 365 orang. Penempatan mereka sebelum tahun 1960 ialah Gua Teluk Kelawar, Gua Dayak dan Gua Badak di Sumpitan dan Dala. Beberapa kesan peninggalan mereka seperti lukisan pada dinding gua masih dapat dilihat di Gua Badak, sementara beberapa peralatan harian seperti belau (sumpit), jek (beliong) dan peralatan hiasan seperti cok jamoq (cucuk sanggul) dan kenaid (sikat) yang dapat dikesan semasa kajian oleh Hamid pada 2004 telah pupus dan hanya dapat dilihat di Muzium Taiping (Hamid, 2011).

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran umum terhadap kepentingan warisan, usaha perlu dilakukan untuk mempromosikan warisan sebagai satu komoditi dan mengubah paradigma berkaitan domain pemeliharaan warisan yang disandarkan kepada pihak kerajaan sahaja. Justeru, jika diukur dengan keluasan kawasan dan keunikan tempat serta kelebihan sumber semulajadi, flora dan fauna serta aktiviti komuniti, kawasan Lembah Lenggong berupaya menjadi destinasi pelancongan yang menarik dan sekali gus meningkatkan daya saing tempat.

Cadangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa Lembah Lenggong sememangnya kaya dengan pelbagai atribut tempat yang patut diterokai, dikomodofikasi dan ditonjolkan kepada masyarakat umum. Hal ini amat signifikan kerana sesungguhnya banyak variabel terlibat dalam menjadikan sesuatu tempat itu berdaya saing. Antaranya ialah menerusi penerokaan dan eksplorasi sumber semulajadi yang berpotensi untuk menjana pertumbuhan yang tinggi dan lestari. Berasaskan penemuan awal ini berbagai konsep pelancongan boleh dicadangkan untuk Lembah Lenggong diantaranya ialah pelancongan arkeologi, pelancongan haiwan liar, pelancongan semulajadi, pelancongan warisan orang asli dan sebagainya. Jadual 3 memberikan perincian cadangan konsep pelancongan yang boleh diteroka untuk kawasan Lembah Lenggong.

Jadual 3. Potensi Atribut Tempat di Lembah Lenggong

Atribut Tempat	Potensi Produk dan Aktiviti Pelancongan
1) Tapak warisan, bukit, gua	<ul style="list-style-type: none">• Pelancongan arkeologi• Pelancongan geologi/arkeogeologi• Pelancongan warisan & budaya• Pelancongan pendidikan
2) Alam semulajadi fizikal banjaran	<ul style="list-style-type: none">• Pelancongan ekologi• Pelancongan semulajadi• Pelancongan pendidikan
3) Flora dan hutan	<ul style="list-style-type: none">• Pelancongan ekologi• Pelancongan semulajadi• Pelancongan pendidikan• Pelancongan kulinari/gastronomi• Festival dan kembara hutan
4) Fauna dan hidupan liar	<ul style="list-style-type: none">• Pelancongan haiwan liar (bebas dan kurungan)• Pelancongan ekologi• Pelancongan kulinari/gastronomi• Pelancongan semulajadi• Pelancongan pendidikan• Pesta burung, ikan, haiwan dll• “Animal and Bird watching”
5) Biodiversiti flora & fauna	<ul style="list-style-type: none">• Taman dan dusun buah-buahan @ sayuran• Nurseri dan tapak tanaman komersial• Penanaman dan prosesan herba• “Herbs & massage spa”• R&D untuk alam dan perubatan• Florikultur (pokok hiasan, lanskap dan benih bunga)
6) Tasik, sungai, tanah paya, lata, air terjun, mata air	<ul style="list-style-type: none">• Pelancongan ekologi• Pelancongan semulajadi• Pelancongan pendidikan• Ternakan ikan air tawar & akuakultur• Berkau dan aktiviti air• Resort dan Restoran Terapung
7) Kawasan perladangan dan aktiviti pemprosesan	<ul style="list-style-type: none">• Aktiviti dan komoditi ladang• Ternakan hiliran dalam ladang• Pemprosesan hasil ladang dan produk hiliran

Dalam konteks pelancongan, daya saing tempat merupakan keupayaan atau potensi tempat untuk mencipta dan mengintegrasikan tambah nilai sumbernya secara lestari tetapi masih mengekalkan kedudukan pasarannya secara relatif kepada persaingan. Justeru pemilikan sumber sama ada semulajadi atau aktiviti penduduk sekitar, wajar diberi perhatian dan diglap agar dapat menjadi sumber tarikan tambahan untuk Lembah Lenggong yang telah sedia kaya dengan sumber arkeologi dan arkeogeologinya.

Selain itu penglibatan komuniti setempat dan pihak pengurusan setempat juga perlu menjalankan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan pengupayaan produk tempat dapat dicapai secara maksimum. Segala aktiviti keusahawanan, pembentukan industri kecil dan industri hiliran berasaskan sumber setempat perlu segera diatiarkan. Sementara penglibatan pihak berkuasa sama ada dari pejabat daerah, pejabat tanah, pejabat haiwan, pejabat hutan, agensi kerajaan, kerajaan negeri mahu pun kerajaan pusat sangat diperlukan agar segala perancangan dan perlaksanaan dapat berjalan lancar dan seiring dengan objektif pembangunan ekonomi dan budaya komuniti setempat. Pelbagai jabatan dan unit ini perlu mengembeling usaha untuk mempromosi kelebihan Lembah Lenggong dengan menerbitkan pelbagai bahan penerbitan seperti buletin, majalah dan brosur promosi serta bahan penerangan seperti dokumentari, iklan, filem pendek dan sebagainya. Justeru, semua pihak perlu terus berusaha bagi memastikan daya saing Lembah Lenggong sentiasa ditingkatkan keupayaan untuk memelihara sumber sedia ada, mencipta dan mengintegrasikan tambah nilai sumbernya secara lestari agar dapat menonjolkan kelebihan dan berjaya dalam persaingan menambah pengguna tempat.

Kesimpulan

Sesungguhnya Lembah Lenggong sememangnya kaya dengan sumber arkeologi dan arkeogeologi yang memang sudah diketahui sehingga mendapat status tapak warisan arkeologi dunia. Namun status ini akan lebih menyerlah apabila sumber bukan arkeologi setempat seperti bukit-bukau, tasik dan sungai, flora dan fauna serta aktiviti ekonomi dan budaya penduduk setempat diintegrasikan bersama untuk meningkatkan daya saing lembah Lenggong. Kelebihan daya saing ini berupaya membantu mempercepatkan lagi usaha mempromosi Lenggong sebagai destinasi pelancongan terkemuka pada masa akan datang.

Pelbagai elemen dan atribut yang ada pada sesuatu tempat, jika kena pada strategi dan kaedah, diuruskan secara berhemah, efektif dan efisyen nescaya berupaya menjadi produk yang boleh dipasarkan dan menjadi tarikan sama ada kepada pelancong tempatan maupun pelancong antarabangsa. Penjanaan atribut tempat yang menarik berupaya untuk menyemarakkan sentimen "*sense of place*" untuk komuniti setempat dan sekali gus membantu menambah pendapatan sampingan dan mencapai hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan tempatan. Komuniti setempat, kerajaan tempatan dan kerajaan negeri yang sedia bangga dengan status yang dianugerahi UNESCO, seharusnya berusaha meningkatkan daya saing dan merealisasikan pembangunan sumberdaya mereka sebaik mungkin agar terkenal dipersada dunia. Hal ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjana dan memantapkan industri berasaskan kelebihan setempat bagi menghadapi persaingan global yang semakin rencam dan sengit.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia untuk Geran Penyelidikan Universiti kepada Kluster Pelancongan Lestari (Geran No. 1001/PTS/8660012) yang membolehkan kajian dan kertas kerja ini dihasilkan.

Rujukan

- Abdul Hadi Harman Shah (1992) Regional planning and development paradigms. In: Mohd Yaakub Hj Johari (eds) *Regional Development in Malaysia: Issues and Challenges*. Kota Kinabalu. Institute for Development Studies, IDS, Sabah.
- Ashworth G, Voogd H (1990) Can places be sold for tourism? In: Ashworth G, Goodall B (eds) *Marketing tourism places*. London, Routledge.
- Azmah AM, Sakinah AB, Membunga Y, Fatimah H (2009) Melestarikan warisan ketamadunan Melayu-China di Malaysia melalui teknologi informasi dan komunikasi (ICT). *Persidangan antarabangsa pengajian Melayu Beijing*. Beijing Foreign Studies University. 31 Mei – 3 Jun.
- Badaruddin Mohamed, Shida Irwana Omar, Masitah Muhibudin, Nurhashikin Shamsuddin (2009) Measuring the competitiveness of Malaysian tourism cities through the application of Multi Dimensional Scaling Analysis. *Emerging Tourism & Hospitality Trends, APTA 2009*, Incheon, Korea, 9th – 12th July. pp 230-239.
- Fatan Hamamah Yahya, Fatimah Hassan, Zuraini Zakaria (2011) Venturing into Orang Asli heritage landscapes as new tourism resources in Lenggong, Perak. *Proceeding 2nd Regional Conference on Tourism Research 2011(RCTR 2011). Venturing Into New Tourism Research*. Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- Fatimah Hassan (2009) *Pemasaran tempat: Pendekatan pembangunan wilayah*. Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia.
- Fatimah Hassan, Azmah Abd Manaf, Sakinah Abu Bakar, Membunga Yakoob (2010) Intergrasi ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) dalam pemuliharaan warisan monumen bersejarah negara. In: Kadir Arifin et al. (eds) *Prosiding pembangunan, sosial dan persekitaran: Ke arah kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia*. pp. 437-356.
- Griffiths R (1998) Making sameness: Place marketing and the new urban entrepreneurialism. In: Nick Oatley (eds) *Cities, economic competition and urban policy*. Paul Chapman Publishing Ltd., London.
- Halim NA (1981) *Tempat-tempat bersejarah Perak*. Jabatan Muzium, Kuala Lumpur.
- Hamid Mohd Isa (2011) Antara kelangsungan dan kepupusan: Satu penilaian etnografi terhadap budaya material Suku Lanoh di Kampun Air Bah, Lenggong, Perak. In: Saidatulakmal Mohd, Azlinda Azman, Jamalludin Sulaiman (eds) *Kelestarian warisan negara*. PPSK USM. pp. 85-96.
- Harvey D (1989) From managerialism to entrepreneurialism: The transformation in urban governance in late capitalism. *Geografiska Annaler* 1 (71B), 3-17.
- Jabatan Warisan Negara (2011) Archaeological heritage of the Lenggong Valley. Vol. 1. *Nomination Dossier for Inscription on the UNESCO World Heritage List*. Department of National Heritage, Ministry of International Communication & Culture Malaysia.
- Johnston R, Gregory D, Smith D (2011) *The dictionary of Human Geography*. Ed. Ke-5. Wiley-Blackwell, Massachusetts.
- Khaw Hui Leng (2008) Kajian komuniti ikan di Tasik Raban, Perak [cited 10 Disember 2011] <http://pkukmweb.ukm.my/ahmad/tesispelajar/ikanraban.htm>
- Knox P (2009) *Urban social geography – An introduction*. Ed. ke-6. Longman, New York.
- Kong Kah Wai, Ahyaudin B Ali (2000) Chenderoh reservoir, Malaysia: Fish community and artisanal fishery of a small mesotrophic tropical reservoir. In: *Proceedings of an International Workshop held in Bangkok, Thailand*, 15-18 February. pp. 167-178.
- Kotler P, Hamlin M, Rein I, Haider D (2002) *Marketing asia places: Attracting investment, industry and tourism to cities, states and nations*. John Wiley & Sons (Asia), Singapore.
- Kotler P, Haider DH, Rein I (1993) *Marketing places*. The Free Press, New York.
- Kozak M, Remmington M (1999) Measuring destination competitiveness: Conceptual considerations and empirical findings. *International Journal of Hospitality Management*. 18, 273-283
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (2006) Tinjauan pasaran komoditi pertanian.
- Main Rindam, Fatimah Hassan (2011) Lembah Lenggong: Mengenal, menilai dan menghargai bumi Lenggong sebagai sumber industri pelancongan yang lestari. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA 2011) Komuniti dan pembangunan lestari: realiti dan cabarannya*. Hotel Vistana, Pulau Pinang, Malaysia. 16-17 November.

- Malaysia (2005) *Rancangan Malaysia ke Sembilan 2006-2010*. Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohammad Saiful, Shahrul Anuar M S (2010) The influence of habitat structure on bird species composition in lowland Malaysian rain forest. *Tropical Life Science Research* 23 (1).
- Mokhtar Saidin (2011) *Dari zaman batu ke tamadun awal di Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Norsharuddin Sapian (2004) Pekasam Ibrahim, bantu nelayan pasarkan ikan air tawar. Berita Perikanan. [cited 10 Disember 2011]. Available from: http://www.dof.gov.my/html/themes/moa_dof/documents/Berita_Perikanan/2004/BP_bil_53_2004.pdf
- Poon A (2010) Best practice destination management: Lessons from the leaders. In: R Conrady and M Buck (eds) *Trends and issues in global tourism 2010*. Springer-Verlag Berlin Heidelberg.
- Porter ME (2003) The economic performance of regions. *Regional Studies* 37, 549–578.
- Rainisto S (2009) *Place marketing and branding: Success factors and best practices*. Lambert Academic Publishing, Germany.
- Tumar Sumihardjo (2008) *Penyelenggaraan pemerintah daerah melalui pengembangan daya saing berbasis potensi daerah*. Penerbit Fokusmedia, Bandung.